

TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN – SESI 9 -SURAH AL-BAQARAH (AYAT 23 HINGGA 26)



<https://youtu.be/RUVIIqYphg8>

VIDEO – [Durasi – 1j 30m 37s] – Sesi 9 – Surah al-Baqarah (Ayat 23-26) – Maulana Asri – [Tafsir Al-Quran Dengan Al-Quran]

TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN – SESI 9 -SURAH AL-BAQARAH (AYAT 23 HINGGA 26)

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [05:41](#) Ayat 23 – “Dan jika kamu masih dalam keraguan tentang Al-Qur’an yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami”
- 2- [06:50](#) Nota 53
- 3- [19:09](#) Ayat 23 – “maka bawalah satu surah yang sebanding”
- 4- [20:14](#) Nota 54
- 5- [25:12](#) Ayat 23 – “dan panggillah saksi-saksi kamu selain dari Allah, jika kamu memang orang-orang yang benar”
- 6- [29:57](#) Nota 55
- 7- [40:25](#) Ayat 24 – “Jika kamu tidak dapat membuat(nya) – dan tentu kamu tidak akan dapat membuat(nya) – maka peliharalah dirimu dari api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu;”
- 8- [43:54](#) Nota 56
- 9- [55:19](#) Ayat 25 – “bahawa untuk mereka disediakan syurga- syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya”
- 10- [56:15](#) Nota 57
- 11- [59:39](#) Ayat 25 – “Setiap kali mereka dihidangkan rezeki (berupa) buah-buahan di dalam syurga-syurga itu, mereka berkata: “Inilah yang pernah dikurniakan sebagai rezeki kepada kita dahulu”.
- 12- [01:00:06](#) Nota 58
- 13- [01:02:47](#) Ayat 25 – “Mereka diberi buah-buahan yang serupa (pada zahirnya dengan buah-buahan di dunia)”
- 14- [01:04:57](#) Nota 59
- 15- [01:15:27](#) Ayat 26 – “Sesungguhnya Allah tidak segan membuat perbandingan dengan apa sahaja, dengan nyamuk atau dengan (serangga dan lain-lain) yang lebih kecil darinya”
- 16- [01:16:05](#) Nota 60
- 17- [01:20:10](#) Ayat 26 – “Adapun orang-orang yang beriman, mereka yakin bahawa perbandingan itu adalah benar dari Tuhan mereka”

18- [01:22:43](#) Nota 61

AYAT AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ٢٣

23. Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ٢٤

24. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.

وَبَشِّرِ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رَزَقُوا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأَنُؤُوا بِهِ مَتَشَابِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ٢٥

25. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعْضُهُ فَمَا فَوْقَهُ﴾ فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ ٢٦

26. Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?" (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik;

NOTA KULIAH – MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

[NOTA TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN – Surah al-Baqarah \(Ayat 23-34\)](#)

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/tafsir-quran-dgn-quran-nota-3-surah-al-baqarah-ayat-23-34.pdf>]